



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PEKELILING
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Tarikh : 10 Oktober 2014

Bil: 1/2014

Ruj: UMS/PPI1.3.2/800-1/2/3

**GARIS PANDUAN
PENGENAAN KOS PENGURUSAN PENYELIDIKAN
DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bagi memaklumkan pemakaian Garis Panduan Pengenaan Kos Pengurusan Penyelidikan, di Universiti Malaysia Sabah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-62 (Bil 5/2014) yang bersidang pada 23 September 2014 telah meluluskan pelaksanaan Garis Panduan Pengenaan Kos Pengurusan Penyelidikan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- 2.2 Pengenaan kos pengurusan ini wajar atas justifikasi berikut:
 - 2.2.1 Penyelidikan kontrak secara umumnya adalah menyerupai projek perundingan yang diuruskan oleh pihak UMSSLink yang mengenakan kos pengurusan antara 10-15%.
 - 2.2.2 Bayaran kos pengurusan yang dikenakan bagi geran penyelidikan kontrak secara tidak langsung membantu Universiti menampung kos mengurus termasuk bekalan pejabat, kos pentadbiran seperti pencetakan, penggunaan faks dan telefon.
 - 2.2.3 Menyokong Pelan strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang memerlukan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menjana pendapatan sendiri dari sumber dalaman untuk menampung 30% daripada jumlah perbelanjaan mengurus masing-masing.
- 2.3 Kos pengurusan bagi geran penyelidikan kontrak dikenakan dengan kadar 10% atas nilai projek bernilai RM50,000.00 dan ke atas.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Garis panduan ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Pengenalan
 - 1.0 Pendahuluan
 - 2.0 Tujuan
 - 3.0 Definisi
- (b) Caj Kos Tak Langsung Universiti
 - 4.0 Pengenaan Caj Oleh Universiti
 - 5.0 Kadar Caj Kos Tak Langsung
- (c) Tanggungjawab Dan Perlantikan
 - 6.0 Tanggungjawab Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI)

Lampiran A: Jenis-Jenis Projek Penyelidikan

- 3.2 Garis Panduan Pengenaan Kos Pengurusan Penyelidikan, di Universiti Malaysia Sabah adalah seperti di Lampiran 1.
- 3.3 Maklumat lanjut mengenai garis panduan ini boleh diperolehi di Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Penyelidikan dan Inovasi.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-62 (Bil 5/2014) iaitu pada **23 September 2014**.

Sekian, terima kasih.

“BERTEKAD CEMERLANG”

Yang ikhlas,

PROF. DR. SHAHRIL BIN YUSOF

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Tarikh : 10 Oktober 2014

s.k : Naib Canselor
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Fail



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN
PENGENAAN KOS PENGURUSAN
PENYELIDIKAN
DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
A	PENGENALAN	
	1.0 Pendahuluan	3
	2.0 Tujuan	3
	3.0 Definisi	3
B	CAJ KOS TAK LANGSUNG UNIVERSITI	
	4.0 Pengenaan Caj oleh Universiti	5
	5.0 Kadar Caj Kos Tak Langsung	5
C	TANGGUNGJAWAB DAN PERLANTIKAN	
	6.0 Tanggungjawab PPI	6
	LAMPIRAN A: Jenis-Jenis Projek Penyelidikan	7

BAB A – PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN.

Perkhidmatan Penyelidikan dalam pelbagai bentuk dan kerjasama boleh dilaksanakan dengan pihak industri, swasta, badan berkanun mahupun badan kerajaan dalam dan luar negara. Perkongsian pintar dengan pelbagai sektor secara tidak langsung akan memberi impak kepada pembangunan penyelidikan di UMS.

Sumber-sumber di UMS boleh digembeling untuk menyediakan khidmat penyelidikan dengan menggunakan kepakaran penyelidik UMS di samping membantu menjana pendapatan kepada Universiti.

2.0 TUJUAN

Tujuan Garis Panduan ini adalah bagi menerangkan kaedah pengenaan caj kos tak langsung oleh Universiti kepada klien (orang perseorangan, agensi kerajaan, badan berkanun, agensi swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau mana-mana organisasi sama ada di dalam atau di luar negara yang membiayai projek penyelidikan dan menggunakan kepakaran penyelidik UMS).

3.0 DEFINISI

Garis Panduan ini menggunakan terminologi yang mempunyai definisi dalam konteks penyelidikan seperti berikut:

3.1 Caj Kos Tak Langsung

Juga dikenali sebagai caj overhead. Bermaksud sebarang perbelanjaan yang tidak dapat dikenalpasti secara spesifik kepada projek/aktiviti tetapi adalah merupakan kos yang ditanggung oleh universiti bagi membolehkan projek/aktiviti dapat dijalankan. Ianya termasuklah semua kos pentadbiran yang ditanggung oleh pihak pusat pengurusan penyelidikan dan inovasi.

3.2 Projek Penyelidikan

Bermaksud sebarang bentuk projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan dari pihak universiti atau pihak lain.

3.3 Projek Penyelidikan Kontrak (*Contract Research*)

Bermaksud penyelidikan yang dijalankan menggunakan kepakaran dan kemudahan infrastruktur yang wujud di UMS dan hasilnya diserahkan kepada klien yang menanggung semua kos yang terlibat. Ianya dilaksanakan oleh staf Universiti dengan melibatkan penggunaan nama dan kemudahan Universiti.

Projek penyelidikan kontrak dijalankan berdasarkan kepada perjanjian khas antara universiti dan pemberi dana.

3.4 Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI)

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) merupakan pusat yang bertanggungjawab sebagai sekretariat bagi mengawal, menyelia dan menyelaras pengurusan penyelidikan di UMS.

3.5 Ketua Projek

Bermaksud ketua yang dilantik untuk mengetuai sesuatu projek penyelidikan atau penyelidikan kontrak.

3.6 Klien

Bermaksud orang perseorangan, agensi kerajaan, badan berkanun, agensi swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau mana-mana organisasi sama ada di dalam atau di luar negara yang membiayai projek penyelidikan dan menggunakan kepakaran penyelidik UMS.

3.7 Perjanjian Projek

Bermaksud satu bentuk dokumen bertulis yang ditandatangani di antara UMS dan Klien bagi sesuatu projek penyelidikan.

Semua projek yang melibatkan penyelidikan UMS perlu mempunyai dokumen perjanjian atau persetujuan bagi menjaga kepentingan UMS dan Klien. Hanya Naib Canselor atau wakilnya sahaja yang boleh menandatangani dokumen perjanjian bagi pihak UMS untuk Perjanjian Penyelidikan tersebut.

3.8 Caj

Bermaksud bayaran yang dikenakan ke atas projek penyelidikan / penyelidikan kontrak bagi menampung kos tak langsung yang telah dibelanjakan oleh Universiti.

BAB B – CAJ KOS TAK LANGSUNG UNIVERSITI

4.0 PENGENAAN CAJ OLEH UNIVERSITI

Pihak Universiti boleh mengenakan caj kos tak langsung kepada klien mengikut kadar yang ditetapkan seperti dalam Garis Panduan ini.

Ketua Projek adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa caj kos tak langsung yang ditetapkan diambilkira semasa berunding / mendapatkan pembiayaan dari klien. Caj kos tak langsung tersebut kemudiannya hendaklah diselaras terlebih dahulu (dipotong) daripada akaun amanah penyelidikan di peringkat awal penyelidikan.

Pengenaan kos pengurusan bagi geran penyelidikan kontrak di Universiti Malaysia Sabah dengan kadar 10% atas nilai projek bernilai RM50,000.00 dan ke atas.

5.0 KADAR CAJ KOS TAK LANGSUNG

5.1 Kadar caj kos tak langsung kepada projek penyelidikan adalah seperti berikut:

- i) Projek penyelidikan yang menerima dana dari UMS
 - Tidak dikenakan caj overhead
- ii) Projek penyelidikan yang menerima dana berbentuk Skim Geran Penyelidikan daripada pihak KPT dan MOSTI (seperti di lampiran A)
 - Tidak dikenakan caj overhead
- iii) Projek penyelidikan luar yang bersifat sepenuhnya penyelidikan (menerima dana daripada agensi swasta, agensi kerajaan, badan berkanun lain sama ada dalam dan luar)
 - Tidak dikenakan caj overhead

- iv) Projek penyelidikan kontrak
 - Dikenakan caj overhead pengurusan sebanyak 10% daripada keseluruhan nilai projek penyelidikan.

- Contoh :

Nilai projek penyelidikan = RM 150,000.00

Jangka masa projek = 3 tahun

Kos Tak Langsung = Nilai projek penyelidikan X 10%

= RM 150,000.00 X 10%

= RM 15,000.00

Oleh itu, nilai yang perlu ditanggung oleh klien adalah sebanyak RM165,000.00 (nilai projek RM 150,000.00 + RM 15,000.00) iaitu kos keseluruhan projek yang perlu diambilkira semasa perunding dengan klien.

- 5.2 Caj kos tak langsung pengurusan yang dikenakan kepada setiap projek penyelidikan kontrak akan diiktiraf sebagai hasil Universiti.

BAB C – TANGGUNGJAWAB

6.0 TANGGUNGJAWAB PPI

Setiap projek yang diperolehi samada secara terus atau melalui PTJ akan diuruskan oleh PPI dan PPI boleh mengeluarkan apa-apa penjelasan dan keputusan mengenai sebarang isu dalam pelaksanaan Garis Panduan ini.

JENIS-JENIS PROJEK PENYELIDIKAN

BIL.	JENIS PROJEK PENYELIDIKAN	PENAJA
1	Skim Geran Penyelidikan <i>Sciencefund</i> (SCF)	MOSTI
2	Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)	KPM
3	Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS)	
4	Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS)	
5	Skim Geran Penyelidikan Prototaip (PRGS)	
6	Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS)	
7	Skim Geran Pembudayaan Penyelidikan (RAGS)	
8	<i>Research Acculturation Collaborative Effort</i> (RACE)	
9	Skim Penyelidikan Bidang Keutamaan (SPBK)	
10	Skim Penyelidikan Lantikan Baru (SPLB)	
11	Skim Geran Penyelidikan Post Doktorat (PRF)	
12	Skim Geran Penyelidikan Insentif Phd (PHD)	
13	Skim Geran Inovasi (SGI)	
14	Geran Luar (GL)	AGENSI KERAJAAN/ SWASTA/ ANTARABANGSA

** Dikemaskini dari semasa ke semasa

